



# ANDA SOAL KAMI JAWAB! PAXLOVID



# ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

01

## Apa itu Paxlovid?

Paxlovid adalah sejenis ubat antiviral yang disyorkan untuk **rawatan penyakit COVID-19 tahap ringan hingga sederhana**. Ubat ini merupakan **kombinasi 2 jenis ubat**, iaitu **nirmatrelvir dan ritonavir**.

02

## Siapa akan diberikan Paxlovid?

Ubat antiviral ini **tidak akan diberikan kepada semua pesakit COVID-19**. Ia hanya akan digunakan oleh pesakit yang memenuhi beberapa kriteria seperti:

- berumur 18 tahun dan ke atas serta **mempunyai penyakit kronik**,
- dijangkiti COVID-19 tahap ringan hingga sederhana,
- jangkitan COVID-19 yang dialaminya berisiko tinggi untuk menyebabkan kemasukan ke hospital atau kematian, dan
- dimulakan dalam jangkamasa 5 hari gejala bermula.

Walau bagaimanapun, doktor akan menentukan pemilihan pesakit yang bersesuaian untuk memulakan rawatan ubat antiviral ini berdasarkan **penilaian klinikal** yang perlu dibuat ke atas pesakit terlebih dahulu.

Untuk makluman semua, kombinasi ubat nirmatrelvir dan ritonavir ini **bukanlah bertujuan untuk digunakan sebagai pengganti kepada vaksinasi COVID-19**. Ia juga bukan pengganti kepada tindakan kesihatan awam untuk mengelakkan dijangkiti COVID-19.

(Rujukan: Infografik KKM dan Annex 2e- Clinical Management of Confirmed COVID-19 Case in Adult and Paediatric.)

## ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

03

### Di mana Paxlovid boleh didapati?

Ubat ini dibekalkan oleh **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di klinik kesihatan kerajaan terpilih** untuk merawat pesakit COVID-19 kategori 2 dan 3 bergejala ringan hingga sederhana dengan memberikan keutamaan kepada pesakit COVID-19 yang menghidap penyakit kronik.

Kementerian Kesihatan Malaysia terus memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit untuk mendapatkan rawatan COVID-19 dengan **memperluaskan ke fasiliti swasta terpilih**. Pemberian ubat ini di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma. Walau bagaimanapun, pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti tersebut.

Pesakit boleh menyemak senarai fasiliti kerajaan dan swasta yang membekalkan ubat ini melalui **laman web covid-19.moh.gov.my** atau **menerusi aplikasi MySejahtera** (*Home>Locate Health Facilities>Paxlovid*)

04

### Di dalam MySejahtera terdapat senarai klinik / farmasi yang membekalkan Paxlovid? Bolehkah saya membeli Paxlovid?

Di dalam aplikasi MySejahtera, terdapat senarai fasiliti kesihatan KKM dan swasta berdekatan anda yang menyimpan ubat Paxlovid. Buat masa ini, Paxlovid tidak dijual di mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan mahupun di fasiliti kesihatan swasta.

(Rujukan: Annex 2r - Garis Panduan Peluasan Penggunaan Rawatan Ubat Antiviral COVID-19 Bagi Fasiliti/Pengamal Perubatan Swasta)

05

### Bolehkah saya membeli Paxlovid daripada luar negara?

Tidak boleh. Rawatan menggunakan Paxlovid hanya boleh ditentukan oleh pengamal perubatan berdasarkan kepada keadaan pesakit.

Paxlovid merupakan ubat yang mengandungi racun yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 dan pengendaliannya termasuk pengimportan daripada luar negara hanya boleh dilakukan oleh orang-orang yang dibenarkan sahaja.

**Nota:**

Pengimportan ubat-ubatan yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 termasuk Paxlovid hanya boleh dilakukan oleh syarikat yang mempunyai ahli farmasi berlesen (Lesen Jenis A aktiviti borong) berdasar peruntukan seksyen 8(1) Akta Racun 1952 dan juga Lesen Pengimport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (PKDK) 1984 untuk mengimport produk berdaftar berdasar peruntukan Peraturan 7(1) PKDK 1984. Selain itu produk tersebut mestilah berdaftar dengan KKM.

06

### Bilakah saya perlu mengambil plaxovid?

Paxlovid hanya boleh dimulakan dalam jangkamasa 5 hari sejak gejala bermula.

## ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

07

### Apakah kesan sampingan Paxlovid?

Seperti ubat-ubatan yang lain, ubat antiviral ini juga mempunyai beberapa kesan sampingan. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa **bukan semua** pengguna akan mengalami kesan sampingan tersebut.

Contoh kesan sampingan yang mungkin berlaku akibat pengambilan ubat nirmatrelvir dan ritonavir ini termasuklah rasa sakit pada otot, perubahan deria rasa, muntah, cirit-birit dan peningkatan tekanan darah.

Sila dapatkan nasihat di klinik kesihatan yang berhampiran sekiranya mengalami sebarang gejala ini dan berlarutan selepas mengambil ubat antiviral tersebut.

08

### Mengapa ia hanya diberikan kepada mereka yang mempunyai penyakit kronik?

Keutamaan pemberian rawatan ubat ini adalah kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang menghidap penyakit kronik. Ini kerana mereka mempunyai **risiko yang tinggi untuk mendapat kesan komplikasi yang lebih teruk** termasuk kematian.

## ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

09

### Apakah perkara yang perlu saya maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sebelum ubat Paxlovid diberikan kepada saya?

Sebelum seseorang pesakit COVID-19 ingin mengambil ubat antiviral ini, pesakit tersebut perlu memaklumkan kepada doktor dan ahli farmasi sekiranya:

- mempunyai sebarang alahan,
- menghidap sebarang penyakit, terutamanya penyakit hati atau buah pinggang,
- mengambil sebarang ubat-ubatan contohnya lovastatin, alfuzosin atau phenytoin,
- sedang hamil atau merancang untuk hamil;
- sedang menyusukan anak.

10

### Jika saya tidak dimasukkan ke wad hospital, adakah saya boleh mengambilnya?

Jika anda telah dijangkiti dengan COVID-19 dan mempunyai gejala dalam tempoh 5 hari, anda boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan rawatan ubat antiviral Paxlovid dengan syarat anda memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

(Rujukan: Infografik KKM, Annex 2e- Clinical Management of Confirmed COVID-19 Case in Adult and Paediatric.)

## ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

11

### Mengapa Paxlovid diberikan pada hari pertama hingga kelima kepada pesakit covid?

Paxlovid hanya berkesan sekiranya diambil dalam masa 5 hari yang bergejala.

**Nota :**

Berdasarkan kepada kajian klinikal bertajuk EPIC-HR yang telah dijalankan, subjek yang diberikan Paxlovid dalam tempoh 1-5 hari telah menunjukkan keberkesanan sehingga 88.9% berbanding *placebo* dalam mengurangkan risiko kemasukan ke hospital atau kematian.

12

### Mengapa pegawai perubatan perlu melakukan penilaian sebelum seseorang boleh mengambil Paxlovid?

Penilaian dibuat oleh Pegawai Perubatan sebelum anda boleh mengambil ubat Paxlovid untuk memastikan pesakit memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan layak untuk diberikan ubat Paxlovid.

(Rujukan: Annex 2e- Clinical Management of Confirmed COVID-19 Case in Adult and Paediatric.)

13

### Adakah ubat ini akan diberikan kepada saya setelah saya keluar hospital?

Pesakit yang mempunyai tanda-tanda amaran gejala COVID-19 dan dimasukkan ke wad dimulakan dengan rawatan paxlovid sekiranya memenuhi kriteria.

Buat masa ini, semua ubat hanya diberikan kepada pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke wad sahaja. Kombinasi ubat ini perlu diambil sebanyak **2 kali sehari, untuk tempoh selama 5 hari.**

Semua ubat antiviral tersebut perlu ditelan secara keseluruhan. Pesakit dinasihatkan supaya **jangan kunyah, potong atau hancurkan tablet. Ambil kesemua tiga tablet secara serentak** bagi setiap dos.

Setiap pesakit yang telah dipreskripsikan dengan ubat antiviral ini perlu memastikan supaya **semua dos dihabiskan** seperti yang telah diarahkan oleh doktor dan ahli farmasi.

14

### Berapa banyak akan diberikan kepada saya?

Satu dos ubat antiviral mengandungi **2 biji nirmatrelvir** yang berwarna merah jambu dan **1 biji ritonavir** yang berwarna putih.

Bagi situasi tertentu, pemberian dos ubat Paxlovid perlu diubah suai, terutama bagi pesakit yang sedang mengambil ubat untuk penyakit kronik. Ini bagi mengelakkan kemungkinan berlaku interaksi ubat yang boleh menjejaskan kesihatan pesakit.

Nota: Warna ubat mungkin berubah dari semasa ke semasa, pesakit COVID-19 perlu ambil tahu akan nama ubat COVID-19 ini.



## ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID

15

### Bilakah saya perlu mengambil paxlovid dan berapa lama ubat tersebut perlu diambil?

Ubat antiviral ini terdiri daripada dua jenis ubat iaitu nirmatrelvir dan ritonavir.

Kombinasi ubat ini perlu diambil sebanyak **2 kali sehari, untuk tempoh selama 5 hari.**

16

### Adakah kanak-kanak boleh diberikan Paxlovid?

Ia hanya akan digunakan oleh pesakit yang memenuhi beberapa kriteria seperti:

- berumur 18 tahun dan ke atas dan
- pesakit yang mempunyai penyakit kronik.

17

## Bagaimanakah cara simpanannya?

Walaupun pada masa ini ubat ini hanya diberikan kepada pesakit yang mempunyai penyakit kronik dan pesakit tersebut ditempatkan dalam wad, orang ramai perlu mengambil tahu akan cara penyimpanan ubat ini.

Cara penyimpanan ubat yang betul perlu diamalkan seperti:

- ubat tersebut perlu disimpan jauh daripada capaian kanak-kanak.
- jangan simpan ubat dalam peti sejuk atau peti sejuk beku,
- ubat antiviral ini perlu disimpan pada **suhu di bawah 25°C**,
- jangan simpan ubat berdekatan sumber cahaya atau haba seperti dapur memasak dan *oven*.

Ubat ini perlu disimpan dengan cara penyimpanan yang betul. Ini kerana, dengan mengamalkan cara penyimpanan ubat yang betul, ia dapat memastikan kualiti, keberkesanan dan keselamatan ubat tersebut.

**ANDA SOAL KAMI JAWAB!! PAXLOVID**

